

Headline	Tangani dengan bijak kes penipuan umrah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	8	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	526 cm ²
Journalist	fNOORMOHUAUDt SHAKILHAWEEJ	AdValue	RM 10,396
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,188



Tangani dengan bijak kes penipuan umrah



SEMAKIN menjadi-jadi dan tidak berhati perut! Itulah ungkapan yang paling sesuai untuk menggambarkan pendedahan satu demi satu kes penipuan jemaah umrah di negara ini. Umpama menjadi satu trend apabila hampir setiap hari sudah ada pendedahan kes penipuan umrah dan ia mula melibatkan bilangan jemaah yang ramai dengan jumlah kerugian kewangan yang cukup besar.

Antara yang terkini melibatkan Yayasan Bakti Negeri Terengganu (YBNT), organisasi yang menguruskan penajaan umrah melibatkan kebanyakan guru di negeri ini yang merekodkan kenasukan wang berjumlah RM14.2 juta. Wang yang dimasukkan oleh para jemaah itu dikesan dikeluarkan dengan menggunakan beberapa keping cek dan juga secara tunai. Ia adalah susulan penahanan seorang pengarah eksekutif dan akauntan yang dipercayai terlibat dalam kes penipuan umrah melibatkan kira-kira 4,800 peserta sehingga hasrat mereka ke tanah suci tahun ini tergendala.

Secara umumnya sejak 2012 hingga Oktober 2017, seramai 3,714 umat Islam negara ini dikatakan berputih mata apabila hasrat mereka mengerjakan umrah tertangguh akibat menjadi mangsa penipuan pakej umrah. Dan jumlah kerugian yang dihadapi oleh kesemua mangsa selama empat tahun kebelakangan ini seperti yang dilaporkan kepada pihak polis dan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dianggarkan mencecah RM30.8 juta.

Situasi ini menunjukkan masalah penipuan dan sabotaj ke atas jemaah umrah negara ini cukup serius. Jelas, ejen perseorangan dan syarikat mudah mengambil kesempatan ke atas umat Islam yang mahu menunaikan ibadat umrah. Justeru, isu ini perlu ditangani segera agar dapat mengekang dan mencegah lebih ramai

lagi umat Islam menjadi mangsa seterusnya.

Dalam hal ini, kita tidak mempunyai banyak pilihan. Umat Islam perlu sentiasa berhati-hati dengan taktik licik individu ma-

hupun agensi yang menawarkan perkhidmatan pengendalian umrah. Hampir kesemua kes yang berlaku berpunca daripada kecuaiannya sendiri yang terlalu mudah mempercayai pelbagai tawaran pakej yang murah dan menarik. Akibatnya, terus membuat bayaran tanpa semak asal usul dan latar belakang syarikat terbabit. Dalam konteks ini dua aspek perlu diberi perhatian sebelum membuat sebarang bayaran mahupun memilih mana-mana syarikat pengendali umrah.

Pertama, teliti betul-betul pakej yang ditawarkan. Secara umumnya, pihak berkuasa telah menggariskan harga lantai bagi pakej umrah standard ekonomi selama 12 hari 10 malam tidak boleh kurang daripada RM4,900 sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis Kawal Selia Umrah. Justeru, pengguna perlu menjadikan jumlah RM4,900 ini sebagai penanda aras dan rujukan penting sebelum mengambil mana-mana pakej umrah daripada ejen perseorangan ataupun syarikat.

Ringkasnya, pakej yang ditawarkan di bawah harga siling tersebut boleh dianggap sebagai cubaan untuk menipu. Maka janganlah kerana mahukan harga yang murah maka mudah terperangkap dengan sindiket penipuan seperti ini. Hal ini perlu diberi perhatian serius kerana dilaporkan ramai yang terpengaruh dengan tawaran pakej serendah RM3,000 dengan menyangkakan dapat berjimat RM1,900 tetapi akhirnya mengalami kerugian sebanyak RM3,000. Pengguna perlu bijak, isu harga pakej adalah indikator yang paling penting untuk mengetahui kesahihan sesebuah pakej yang ditawarkan.

Kedua, pengguna juga perlu sedar di mana pihak berkuasa telah menyediakan kemudahan untuk menyemak status sesebuah syarikat pengendali umrah. Misalnya umat Islam wajar

menyemak latar belakang syarikat melalui laman web i-umrah jawhar atau www.jawhar.gov.my/ umrah sebelum pembayaran pakej umrah dibuat agar tidak menjadi mangsa penipuan. Dalam zaman ledakan teknologi maklumat ini sepatutnya kemudahan aplikasi semakan status dalam talian ini banyak membantu untuk elak menjadi mangsa penipuan sindiket seperti ini.

Malah juga perlu diingatkan supaya berurusan dengan ejen pelancongan berdaftar dan mempunyai lesen dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Secara prinsipnya, kita boleh elak menjadi mangsa penipuan andai mendengar nasihat pihak berkuasa serta menggunakan segala hak sebagai pengguna yang bijak. Nam-

mun ternyata perkara ini tidak berlaku dan sudahnya semakin ramai menjadi mangsa penipuan.

Dalam hal ini penulis amat bersetuju dengan cadangan Peratuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) yang menggesa hukuman denda maksimum dikenakan kepada ejen yang melakukan penipuan pakej umrah sehingga menyebabkan kerugian jutaan ringgit. Biar hukuman berat menjadi amaran dan peringatan keras kepada semua individu dan syarikat yang cuba untuk mengambil kesempatan dan menipu umat Islam di negara ini.

Dalam konteks ini, penulis juga setuju dan menyokong penuh langkah kerajaan yang memutuskan semua agensi pengendali umrah perlu mendapatkan lesen khas umrah, dan pada masa yang sama perlu juga memastikan agar semua syarikat melaporkan kepada pihak berkuasa butiran terperinci seperti jadual pergi/balik dan urusan visa sebelum lesen khas dikeluarkan atau sebelum mereka dibenarkan berangkat bagi menjamin hak jemaah umrah.

Sedar atau tidak dalam hal ini umat Islam diperdaya dan ditipu oleh orang Islam itu sendiri. Sesungguhnya ini adalah satu perbuatan cukup keji, tidak berperikemanusiaan dan amat memalukan. Sepatutnya perkhidmatan pengendalian umrah

Headline	Tangani dengan bijak kes penipuan umrah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	8	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	526 cm ²
Journalist	fNOORMOHAUADt SHAKILHAWEEJ	AdValue	RM 10,396
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,188

tidak wajar dilihat dalam konteks perniagaan komersial yang biasa, sebaliknya perlu dijadikan satu usaha murni untuk membantu umat Islam mengerjakan ibadat dan menjejak kaki ke tanah suci dalam keadaan selesa, selamat dan ceria.

Akhirnya sebagai pengguna marilah kita ambil iktibar dengan segala kejadian penipuan yang didedahkan. Kita tidak mahu lagi mendengar masalah terkandas di tanah suci gara-gara tiada penerbangan balik mahupun masih ramai yang tersadai di KLIA kerana ditipu ejen yang menguruskan pakej umrah. Rujuk dan dapatkanlah nasihat daripada pihak berkuasa sebelum memilih pakej yang ditawarkan. Tindakan tegas pihak berkuasa serta kebijaksanaan sebagai pengguna mampu menangani kes penipuan umrah di negara ini.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.



SEORANG pengarah sebuah yayasan (tengah) dan akauntan dibawa keluar dari mahkamah Kuala Terengganu, Terengganu selepas menerima perintah reman selama empat hari berhubung dakwaan penipuan terhadap agensi yang menguruskan jemaah umrah, pada 27 Disember lalu.